

## Manifesto Dana +20 oleh Masyarakat yang Berpindah

### *Orang Asal yang Berpindah, Pemuliharaan Alam, Pembangunan Mampan dan Perubahan Iklim Dua puluh tahun selepas Pengisytiharan Dana*

Wadi Dana, Jordan, 10<sup>hb</sup> September 2022

#### RINGKASAN EKSEKUTIF

Kami, wakil masyarakat yang berpindah – termasuk Orang Asal, masyarakat tradisional dan merantau<sup>1</sup> – serta penyelidik dan pengamal yang prihatin, telah berkumpul di Wadi Dana, Jordan, untuk semak kembali keadaan kehidupan kami, 20 tahun selepas [Pengisytiharan Dana](#)<sup>2</sup>, dan untuk merancang demi masa hadapan kami.

Kami, masyarakat berpindah, terdiri daripada ratusan juta orang di seluruh dunia. Persekitaran dan cara hidup kami terancam akibat perubahan iklim dan peningkatan populasi, serta kehilangan tanah dan sumber air kepada penggunaan lain dan penglibatan dalam ekonomi tunai – selalunya atas syarat yang tidak menguntungkan pihak kami. Prasangka dari segi kebudayaan serta undang-undang dan dasar kerajaan yang diskriminasi masih kekal walaupun negara kami telah mengesahkan perjanjian dan konvensyen hak asasi manusia antarabangsa.<sup>3</sup>

**Kami menyeru pihak kerajaan** untuk menambahbaik dasar kebangsaan. Pertama, mengiktiraf dan menjamin secara rasmi hak kami ke atas wilayah masing-masing serta dalam penggunaan sumber bersama. Kedua, mengiktiraf pihak berkuasa tradisional kami dan undang-undang adat supaya masyarakat berpindah diwakili secara adil dalam pengambilan keputusan. Ketiga, menggalakkan jenis pendidikan yang sesuai dari segi kebudayaan, yang menggalakkan belia untuk menghargai pengetahuan dan identiti tradisional.

**Kami menyeru ahli pemuliharaan** untuk menghormati hak, pengetahuan tradisional dan amalan pengurusan adat kami, serta mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh pembela hak asasi manusia dan tanah dalam masyarakat kami.<sup>4</sup> Kami ingin mengingatkan semua pihak untuk mematuhi perjanjian antarabangsa yang telah dimeterai.<sup>5</sup> Kami menyeru mereka untuk melaksanakan Mekanisme Whakatane dan merangka sesebuah mekanisme di mana pihak yang terjejas oleh pewartaan kawasan perlindungan dapat menyuarakan kebimbangan mereka, dan selepas itu diadili secara saksama dan ditangani melalui pengembalian kawasan, pampasan dan pengantaraan.

**Kami menyeru syarikat-syarikat** untuk menghormati hak masyarakat kami, untuk melaksanakan penilaian impak sosial, ekonomi, budaya dan alam sekitar, selaras dengan Garis Panduan Akwe:kon<sup>6</sup>. Projek mereka hanya patut dijalankan setelah memperoleh Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Termaklum (*Free, Prior and Informed Consent* - FPIC) daripada wakil yang ditetapkan oleh kami sendiri.<sup>7</sup> Mereka harus memberikan pampasan yang adil untuk sebarang kerugian dan kerosakan.

Kami menawarkan manifesto ini sebagai jemputan terbuka untuk bekerjasama, dan bersama memperdalamkan persefahaman mengenai kepentingan cara hidup berpindah untuk masa depan dunia kita.

---

<sup>1</sup> IFAD 2009. Dasar Perhubungan dengan Orang Asal, IFAD, Rome.

<sup>2</sup> [Pengisytiharan Dana](#), Dana + 10 dan Dana + 20 menyokong pelaksanaan Deklarasi PBB terhadap Hak Orang Asal (*UN Declaration on the Rights of Indigenous Peoples* - UNDRIP) dengan sepenuhnya. Rujuk laman web Pengisytiharan Dana: <https://www.danadeclaration.org/>.

<sup>3</sup> Serta dasar-dasar antarabangsa lain yang merujuk kepada hak Orang Asal secara keseluruhan seperti Deklarasi PBB terhadap Hak Orang Asal, ILO 169, dan VGGT.

<sup>4</sup> [Deklarasi PBB atas Pembela Hak Asasi Manusia](#)

<sup>5</sup> Pengesahan Pengisytiharan Dana dalam 5.2.7 dan di Kongress Pemuliharaan Sedunia (*World Conservation Congress*) ke-4 di Barcelona.

<sup>6</sup> <https://www.cbd.int/doc/publications/akwe-brochure-en.pdf>

<sup>7</sup> <https://www.fao.org/3/i3496e/i3496e.pdf>